

Soalan Esei

Bahagian A

1. (a) Gambar 1 menunjukkan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya.



Gambar 1

Jelaskan **tiga** peranan kerajaan pusat dalam aspek perundangan.

[6 markah]

Buku Teks
m.s. 68 – 70

- (b) Nyatakan **empat** matlamat undang-undang perlindungan pengguna.

[4 markah]

Buku Teks
m.s. 69

2. (a) Senaraikan **empat** peranan kerajaan negeri kepada perniagaan.

[4 markah]

Buku Teks
m.s. 75 – 76

- (b) Berikan **empat** peranan MATRADE dalam perkembangan aktiviti perniagaan.

[4 markah]

Buku Teks
m.s. 72

- (c) Pihak Berkuasa Tempatan merupakan pelaksana dasar pada peringkat akar umbi dalam menyampaikan perkhidmatan kepada penduduk tempatan. Berikan **dua** peranan yang dimainkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

[2 markah]

Buku Teks
m.s. 77

3. (a) Jelaskan **empat** jenis pengangguran yang kerap berlaku dalam ekonomi Malaysia.

[8 markah]

Buku Teks
m.s. 81

- (b) Berikan **dua** kesan deflasi terhadap sesebuah ekonomi negara.

[2 markah]

Buku Teks
m.s. 85

4. (a) Terangkan **dua** jenis trend persekitaran perniagaan.

[6 markah]


Buku Teks
m.s. 87 – 89

- (b) Nyatakan **dua** langkah yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi inflasi.

[2 markah]

Buku Teks
m.s. 84 – 85

- (c) Gambar 2 menunjukkan sejenis produk.



Gambar 2

Apakah jenis pasaran bagi produk tersebut?

[2 markah]


Buku Teks
m.s. 90

5. (a) Perkembangan teknologi telah berjaya membantu ramai usahawan dan mengubah guna tenaga negara. Apakah perubahan tersebut?

[6 markah]

Buku Teks
m.s. 93

- (b) Rajah 1 menunjukkan kitaran ekonomi.



Rajah 1

Apakah yang akan berlaku pada X?

[4 markah]

KBAT Menganalisis

Buku Teks
m.s. 96

6. (a) Pernyataan di bawah menunjukkan suatu situasi di pasaran.

Syarikat JKK memasuki sebuah pasaran dan menjual produknya dengan harga di bawah kos. Ini menyebabkan syarikat yang bersaiz kecil mengalami kerugian dalam perniagaan.

Cadangkan **satu** akta yang boleh melindungi perniagaan yang bersaiz kecil mengatasi masalah di atas.

[1 markah]

KBAT Menganalisis

Buku Teks
m.s. 112

- (b) Undang-undang yang diluluskan oleh kerajaan berkaitan dengan pelbagai isu perlu dipatuhi oleh semua pihak. Terangkan **dua** kesan perubahan dari undang-undang.

[6 markah]

Buku Teks
m.s. 111 - 113

- (c) Senaraikan **tiga** kesan perubahan dari aspek trend.

[3 markah]

Bahagian B

7. (a) (i) Terangkan maksud sumber manusia luaran. [1 markah]

Buku Teks
m.s. 103

(ii) Jelaskan **dua** kelebihan dan **dua** kekurangan sumber manusia luaran. [8 markah]

Buku Teks
m.s. 103

(b) Jelaskan **tiga** faktor dalaman yang boleh mempengaruhi persekitaran perniagaan. [6 markah]

Buku Teks
m.s. 103 – 105

8. Rajah 2 menunjukkan analisis SWOT.

Kekuatan	Kelemahan
Peluang	Ancaman

Rajah 2

(a) Jelaskan maksud analisis SWOT. [7 markah]

(b) Dengan menggunakan rajah di atas, jelaskan analisis SWOT bagi Syarikat Penerbangan Air Asia. [8 markah]

Buku Teks
m.s. 108 – 109

9. (a) Pernyataan di bawah menunjukkan pasaran di Malaysia.

Permintaan terhadap barang dan perkhidmatan oleh rakyat Malaysia mempunyai perbezaan yang besar antara tahun 2000 dengan tahun 2018.

Apakah kesan perubahan persekitaran antara tahun 2000 dengan tahun 2018 terhadap pasaran?

[6 markah]

Buku Teks
m.s. 110

(b) Jelaskan kesan perubahan dari aspek trend yang berikut:

(i) Guna tenaga [3 markah]

(ii) Pendapatan [3 markah]

(iii) Pertumbuhan ekonomi [3 markah]

Buku Teks
m.s. 111